

Sejarah ciptaan

Shun Thing

Muncul pemain pertama negara beraksi dalam liga profesional luar negara



JIKA tidak kerana kegawatan ekonomi, Beh Shun Thing mungkin tidak dapat merealisasikan impiannya bergelar pemain bola tampar profesional.

Namun, hikmah di sebalik kegagalan untuk mencari kerja membuka peluang buatnya untuk beraksi dalam dua liga bola tampar profesional di Asia Tenggara, Indonesia dan Vietnam.

Ketika temasya Sukan Universiti Asean di Kuala Lumpur Disember lalu, ketua jurulatih bola tampar pantai Indonesia, Slamet Mulyanto memberitahu Shun Thing bahawa Proliga Indonesia (liga profesional kebangsaan negara itu) akan berlangsung dari Januari hingga Mac, dan jurulatih itu mahu Shun Thing bermain buat kelab di negara itu.

Namun Shun Thing tidak begitu mengambil kisah mengenai perkara itu kerana dia sepatutnya memulakan kerjaya pertamanya Januari lalu.

Bagaimanapun, syarikat yang menawarkannya kerja pada Oktober lalu terpaksa membekukan pengambilan kerana kelembapan ekonomi dunia, menyebabkan Shun Thing menghubungi Slamet untuk memberitahu keinginannya beraksi dalam Proliga Indonesia.

Shun Thing akhirnya menyertai kelab Popsivo Polwan, namun hanya hadir di negara itu tiga minggu selepas liga berjalan kerana kelewatan mengumumkan keinginannya untuk beraksi.

Proliga terdiri daripada enam pasukan wanita dan berlangsung dalam dua pusingan, empat sirkit pada pusingan pertama dan enam sirkit pada pusingan kedua.

Mengikut peraturan liga itu, setiap kelab mesti memiliki minimum seorang pemain asing dengan maksimum tiga, walaupun hanya dua pemain asing dibenarkan berada di gelanggang ketika pertandingan.

Popsivo sebelum itu mengikat kontrak dengan seorang pemain Amerika Syarikat tetapi tidak berpuas hati dengan persembahan pemain itu dan memutuskan mengambil seorang pemain

asing lagi, yang akhirnya menjadi milili Shun Thing.

Kelab itu berjaya memenangi dua perlawanan selepas kemasukan Shun Thing dan seorang lagi pemain asing, Yuttagai Khwanjira dari Thailand, sesudah tumpas semua perlawanan pada pusingan terdahulu.

"Saya agak keberatan dan bimbang apabila Popsivo bersetuju untuk mengambil saya kerana saya tidak pernah beraksi dalam liga dalam dewan di luar negara dan saya hanya menumpukan kepada bola tampar pantai sejak beberapa tahun kebelakangan.

"Saya bimbang tidak dapat memenuhi harapan kelab. Bagaimanapun, jurulatih (Lim Poh Hong) terus menggalakkan saya serta memberitahu supaya percaya dengan bakat sendiri dan yakin tidak akan mengecewakan kelab itu," kata Shun Thing.

Namun, Popsivo gagal mara ke separuh akhir kerana keputusan buruk pada perlawanan awal. Kelab itu bagaimanapun berpuas hati dengan persembahan Shun Thing dan mahukan dia beraksi kembali tahun depan.

Shun Thing dibayar AS\$1,750 (RM6,300) sebulan oleh Popsivo. Dia sempat beraksi enam perlawanan ketika liga berlangsung di Surabaya (7-8 Februari), Palembang (21-22 Februari), Yogyakarta (28-29 Februari) dan Jember (7-8 Mac).

Selepas beraksi di Indonesia, Shun Thing ditawarkan tempat beraksi dalam liga profesional Vietnam (VVL) dan kini bersama kelab Binh Dien Long An di Bandaraya Ho Chi Minh yang menawarkannya gaji AS\$2,000 (RM7,200) sebulan.

"Saya gembira membuat pilihan yang tepat dan kini saya lebih yakin dengan diri sendiri selepas menerima pujian daripada jurulatih Indonesia dan Vietnam. Tahap di Indonesia dan Vietnam amat tinggi, jadi saya perlu bekerja

keras untuk mengekalkan persembahan," katanya.

Shun Thing, yang menyertai skuad senior kebangsaan pada usia 16 tahun, beraksi pada temasya Sukan Sea 2001 dan 2003 sebelum beralih arah kepada bola tampar pantai pada 2004 dan menduduki tangga ketujuh pada Sukan Asia Doha 2006 berpasangan dengan Luk Teck Eng.

Dia memenangi pingat gangsa acara bola tampar pantai wanita pada temasya Sukan Sea 2007 di Korat bersama Luk Teck Hua dan keduanya dijangka berganding lagi di Laos Disember depan.

Bagaimanapun, pemain itu belum pasti untuk beraksi di Vietnam lagi apabila liga kedua negara itu berlangsung Julai depan kerana masih memikirkan sama ada untuk terus bermain atau mula bekerja.



SHUN Thing (belakang, tengah) bersama



BEH SHUN THING

- **TARIKH LAHIR:**
29 Oktober 1985
- **TEMPAT LAHIR:**
Sitiawan, Perak
- **TINGGI:** 1.74 meter
- **BERAT:** 60 kg
- **PENDIDIKAN:** Universiti Putra Malaysia
- **PENCAPAIAN:**
 - Gangsa Sukan Sea 2007 Korat
 - Blocker kedua terbaik Sukan Asia Doha 2006
 - Blocker terbaik, Remaja Asia Tenggara Ke-13, 2004
 - Blocker terbaik, Remaja Asia Tenggara Ke-12, 2002
 - Blocker terbaik, Sukan Malaysia, 2004
 - Blocker terbaik, penyerang terbaik dan pemain terbaik, MSSM, 2003

Saya gembira membuat pilihan yang tepat dan kini saya lebih yakin dengan diri sendiri selepas menerima pujian daripada jurulatih Indonesia dan Vietnam. Tahap di Indonesia dan Vietnam amat tinggi, jadi saya perlu bekerja keras untuk mengekalkan persembahan"

Beh Shun Thing

Pemain bola tampar kebangsaan



SHUN Thing (belakang, tengah) bersama pemain dan pegawai kelab Popsivo Polwan.